

21/04/1997

Komputer tingkat mutu filem

Ebi Azly Abdullah

PENGGEMAR filem yang mengunjungi pawagam sudah tentu kagum dengan penggunaan kesan khas secara meluas dalam industri perfileman dunia, khususnya di Hollywood. Penggunaan kesan khas mencapai kemuncaknya tahun lalu dalam filem Independence Day, dan ia dijangka berterusan hingga penghujung abad ini.

Walaupun penggunaan kesan khas bermula kira-kira 40 tahun lalu di Hollywood, penggunaannya hanya mampu dioptimumkan dengan pengenalan sistem imageri yang dihasilkan Computer Generated Imaginary (CGI) sejak beberapa tahun lalu. Ia mencapai popularitinya kerana artis grafik generasi baru di Hollywood mengiktiraf kepentingan CGI bagi industri perfileman akan datang.

Sebagai contoh, bintang utama beberapa filem box-office seperti Independence Day, Multiplicity dan Eraser bukannya Will Smith, Michael Keaton atau Arnold Schwarzenegger, tetapi penggunaan CGI di sebaliknya. Penggunaan CGI juga dijangka akan terus meningkat selagi sambutan positif penonton terhadap filem genre itu berkekalan.

Filem Independence Day atau ID4 yang mengisahkan serangan terhadap bumi oleh armada makhluk asing, mencatatkan rekod box-office tahun lalu dan menjadi filem kedua paling laris dalam sejarah selepas ET-The Extra Terrestrial, dianggap filem CGI terbesar pernah dikeluarkan. Sebenarnya ID4 mengandungi lebih 360 babak kesan khas digital yang diwujudkan daripada lebih 4,000 elemen persendirian.

"Beberapa tahun dulu penonton hairan dengan filem Jurassic Park yang mengandungi tujuh minit kesan CGI. Tetapi bagi ID4 kita menggunakan lebih 50 minit kesan CGI," kata Tricia Ashford yang menyelaraskan kesan khas filem terbabit. Sambutan hebat terhadap ID4 membayangkan industri perfileman akan mencapai tahap lebih tinggi dengan penggunaan CGI yang meluas.

Potensi penggunaan CGI dalam sistem multimedia khususnya sektor perfileman dikenal pasti oleh pembuat dasar di Malaysia, yang memasukkannya bersama-sama program promosi bagi Koridor Raya Multimedia (MSC). Ini disusuli pula dengan lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Los Angeles bagi memperkenalkan MSC kepada pelabur Amerika Syarikat, khususnya pemilik studio utama Hollywood, Januari lalu.

MSC merangkumi kawasan seluas 750 kilometer persegi dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC) hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang. Ciri utama MSC ialah rangkaian gentian optik 100 peratus digital berkeupayaan antara 2.5GB dan 10GB, yang disambungkan terus dengan negara Asean, Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah.

Ia juga menawarkan perhubungan melalui satelit dan pembentukan sistem rangkaian padu dihubung terus ke Internet. Turut dibangunkan dalam MSC ialah pusat pentadbiran baru kerajaan, Putrajaya dan pusat komersil, Cyberjaya.

Ketika di Hollywood, Perdana Menteri mengajak karyawan Hollywood menggunakan MSC untuk menghubungkan kreativiti mereka dengan keadaan yang diperlukan bagi melahirkan hiburan berunsur tempatan, sesuai bagi Asia dan seluruh dunia.

Menurutnya, rakyat Asia semakin memilih hiburan yang mementingkan ciri-ciri bahasa, dongengan, watak, muzik, kiasan dan lokasi, manakala MSC boleh menyediakan suasana terbaik di dunia bagi multimedia dan hiburan digital.

Perdana Menteri mahukan MSC dilihat lebih daripada pusat 'komputer dan multimedia' saja. Dr Mahathir mahu membawa teknologi membuat filem Hollywood yang antaranya mampu membuat filem tanpa aktor ke negara ini untuk sebagai langkah memajukan industri filem tempatan.

"Dengan menggunakan gambar lama, kita boleh menggerakkan gambar itu membuat sesuatu yang dibolehkan dengan komputer. Umpamanya dalam gambar (filem) Forest Gump, dia bersalam dengan presiden yang sudah mati dan presiden itu bercakap dengannya," katanya.

Apakah reaksi karyawan tempatan?

Tokoh perfileman, Datuk Zain Mahmood berkata: "Hari ini kemajuan teknikal terus-terusan berkembang. Daripada apa yang kita alami hari ini, jelaslah bahawa pencapaian mutu artistik yang tinggi haruslah ditopang oleh teknologi yang semakin canggih."

Kerajaan dan sektor swasta sudah mengorak langkah untuk menyediakan keperluan sumber manusia termasuk Bumiputera bagi menggarap kepakaran era multimedia. Antara langkah ini ialah kerjasama antara Kementerian Pembangunan Usahawan dan Institut Teknologi Limkokwing (LICT) bagi menaja beberapa pelajar Bumiputera mengikuti kursus peringkat diploma di institut berkenaan dalam pelbagai kursus berkaitan multimedia.

LICT yang dianggap berpengalaman dalam bidang multimedia menubuhkan Pusat Multimedia Asia Pasifik melalui kerjasama Microsoft and Digital, Ogos lalu. Setiap lulusan LICT memiliki kepakaran dalam bidang reka bentuk grafik, penerbitan desktop, animasi, pereka interaktif multimedia, visualiser 3-D, penerbit video dan artis elektronik.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed sudah mengadakan perbincangan dengan Pengerusi LICT, Tan Sri Lim Kok Wing, mengenai hasrat Mara menaja beberapa pelajar Bumiputera mengikuti kursus peringkat diploma di institut itu dalam pelbagai kursus berkaitan multimedia. Hasil perbincangan itu, LICT menyumbang RM1 juta bagi melaksanakan program khas multimedia dengan pelajar tajaan Mara.

"Saya difahamkan, kebanyakan pegawai bidang multimedia di negara ini adalah graduan LICT. Mara begitu tertarik dengan kejayaan LICT dan berhasrat menaja pelajar ke institut itu," katanya. Kumpulan pertama pelajar Mara dijangka memulakan pengajian di LCIT Julai ini.

LICT maju setapak lagi dengan menjadi institusi pengajian pertama di dunia mengadakan program diploma berkembar dengan Kolej Sheridan, Kanada dalam bidang animasi digital, mulai tahun ini. Kolej Sheridan adalah institusi animasi digital terulung dunia, dan sudah melahirkan pakar animasi terkemuka yang kini bekerja di Hollywood.

Menurut Lim, program berkembar dengan kolej berkenaan menandakan iltizam LICT untuk melahirkan graduan multimedia cemerlang yang seterusnya boleh berkhidmat di MSC.

"Dengan hasrat Perdana Menteri menjadikan MSC pusat animasi digital Hollywood semakin tercapai, sudah tentu kita perlu melahirkan anak tempatan yang mempunyai kepakaran sesuai dengan cabaran mendatang," katanya dalam satu temu bual, baru-baru ini.

Program berkembar LICT-Kolej Sheridan akan diadakan dalam dua fasa. Fasa pertama membolehkan pelajar yang menghabiskan kursus tiga tahun dalam program Diploma LICT-Institut Teknologi Auckland dalam Rekabentuk Grafik, untuk memasuki Kolej Sheridan bagi program animasi digital antarabangsa intensif selama lapan bulan.

Fasa kedua pula menyaksikan LICT menubuhkan Program Sheridan di kampusnya di sini. Ini akan membolehkan pelajar program Rekabentuk Grafik yang menghabiskan tahun dua untuk menyertai Program Animasi Digital Antarabangsa Sheridan pada tahun ketiga di Kuala Lumpur. Selepas itu, mereka akan terus ke kampus Sheridan di Kanada untuk menjalani kursus Program Animasi Digital Lanjutan di Sheridan.

Menurut Lim, lulusan Kolej Sheridan boleh memasuki mana-mana studio Hollywood dengan mudah.

"Apabila lulusan berkenaan kembali ke tanah air, mereka dapat mempertingkatkan industri multimedia di Malaysia, dan secara tidak langsung mewujudkan industri perfileman dan penyiaran yang kukuh di rantau ini," katanya.

(END)